

Pemimpin2 badan silat: Kami bergiat bukan utk dari untung

12 OCT 1974

Oleh SALIM OSMAN

12 OCT 1974
PIMPIN-PEMIMPIN pertubuhan Silat dan Seksi Silat badan-badan Melayu di negara ini telah melahirkan rasa bimbang apabila kemungkinan seni asli itu akan pudar dengan sendirinya' berikutnya penguatkuasaan Undang-Undang Pelajaran Seni Mempertahankan Diri di negara ini.

Mereka khuatir seketika terkejut yang disyorkan dalam undang-undang yang berjalan pada 2 September akan mengemasukan peraturan-peraturan baru yang akan itu boleh menjelas perkembangan seni itu di masa depan.

Ini berlaku, mereka merasakan guru-guru itu sendiri akan kecewa dan hamak mengajar penuntut yang biayanya semakin bertambah.

Kecewa

Ini berlaku, mereka merasakan guru-guru itu sendiri akan kecewa dan hamak mengajar penuntut yang biayanya semakin bertambah.

Ini berlaku, mereka merasakan guru-guru itu sendiri akan kecewa dan hamak mengajar penuntut yang biayanya semakin bertambah.

Ini berlaku, mereka merasakan guru-guru itu sendiri akan kecewa dan hamak mengajar penuntut yang biayanya semakin bertambah.

'Bayaran yang dikenakan cuma untuk isi tabung'

★ Dari Muka 1

12 OCT 1974
ta-mata untuk menghidupkan dan mengembangkan satu cabang kesenian pusaka nenek moyang kami, seperti kami usahakan untuk mengekalkan seni tari dan drama.

"Kami tidak mengenakan bayaran yang tinggi seperti yang dikenakan oleh kebanyakan pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri yang lain.

"Apa yang kami kenakan kepada murid-murid silat ialah bayaran yang tidak seberapa, yang cuma untuk mengisikan tabung pentadbiran saja."

Persatuannya mempunyai sebuah seksi silat yang bercorak seni Gayung, dengan dikendalikan oleh enam orang guru silat yang mengajar secara sukarela "dan kerana cinta kepada seni itu," katanya.

Setiap penuntut silat dikenakan bayaran 50 sen dan paling tinggi satu ringgit sebulan.

Kata Encik Rahim: "Kadangkala ada penuntut-penuntut itu yang tidak mampu bayar. Tapi kami benarkan mereka belajar terus kerana kami takut kalau mereka tidak giat dalam seni ini, mungkin mereka akan menjadi anasir-anasir yang tidak baik dan bergiat pula dalam aktiviti yang tidak sihat.

"Dengan itu, bagaimanakah agaknya penuntut-penuntut kami akan mampu membayar lima ringgit setiap tahun."

Yuran

Seorang lagi pemimpin sebuah pertubuhan menyatakan bahawa guru-guru silat yang mengajar seni itu dengan pertubuhan mereka, tidak pernah mengharapkan bayaran dan mereka mengajar 'semata-mata untuk menurunkan seni itu kepada jenerasi baru.'

"Penuntut penuntut tidak dimestikan membayar yuran tapi mereka digalakkan memberi hadiah lima puluh sen atau seringggit setiap bulan," ujarnya.

Katanya, wang tersebut digunakan untuk membeli minuman dan makanan pada hari-hari latihan dan untuk belanja membeli pakaian seragam.

"Kalaulah setiap guru silat dimestikan membayar \$100 setahun, maka saya rasa mereka tentu tidak akan mampu dan

mungkin tidak mengajar terus," katanya.

Dan siapakah yang harus membantu membiayai mereka sedangkan pertubuhan mereka sendiri perlu membayar \$50 untuk mendaftarkan diri.

Seorang guru silat di sebuah balai rakyat berkata: "Kami mengajar silat di bawah naungan Persatuan Rakyat dengan elaun diberikan sebanyak \$48 sebulan.

"Pada kami, wang elaun itu tidaklah seberapa banyaknya, tapi kami tetap mengajar kerana minat kami untuk mengembangkan seni ini."

Tetapi, katanya, wang itu tidak dapat menampung bayaran \$100 yang harus dibayar oleh setiap guru silat tiap-tiap tahun, di bawah undang-undang baru itu.

Seorang guru silat yang terkemuka, Encik Hussein Kaslan berkata: "Memandangkan Pemerintah telah menurunkan undang-undang seperti itu, mahu tidak mahu kami guru-guru silat mestilah juga berdaftar.

12 Bubar 1974

"Kerana kalau kita tidak berdaftar, maka kita tidak boleh mengajar. Kalau tidak boleh mengajar, maka akan terbantutlah perkembangan seni silat kita ini."

Beberapa orang pemimpin lagi yang dihubungi semalam menyatakan mereka berura-ura untuk menghubungi Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu dan badan-badan silat yang lain bagi membincangkan hal itu.

Presiden Majlis Pusat, Encik Yusof Ahmad, semalam berkata "Ada baiknya kalau pertubuhan silat bertemu dan merujuk perkara itu dengan kami. Mungkin dalam perbincangan kita boleh membuat keputusan merayu kepada Pemerintah."

Sekurang-kuangnya sebuah pertubuhan budaya Melayu telah terpaksa membubarkan seksi silat mereka berikutan dengan penguatkuasaan undang-undang itu.

PERKASA, sebuah persatuan sukan dan kebajikan di Alexandra, yang giat dalam seni tari, muzik, drama, sukan dan silat, telah pun menutup seksi silatnya baru-baru ini.

Ini difahamkan menghadapi masalah dalam mendapatkan guru yang tetap dan masalah wang untuk menampung pembayaran pendaftaran guru dan murid silatnya.